

Timba ilmu dari program niaga kecil AMP



29 Mar 2015

Berita Harian

CIK Roziah Adon berpengalaman mengendalikan dua gerai nasi ayam penyet dan roti perata sejak 30 tahun lalu.

Walaupun berpengalaman luas mengendalikan perniagaan makanan, beliau sering berdepan dengan masalah pengurusan kewangan.

Oleh itu pada 2010, Cik Roziah memutuskan menyertai Program Perniagaan Kecil Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Melalui program itu, beliau mempelajari beberapa kemahiran, misalnya cara menguruskan kos perniagaan secara lebih sistematik.

Beliau turut menerima sokongan khidmat nasihat perniagaan daripada Pusat SME @ Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) melalui program itu.

Dengan sokongan itu, Cik Roziah telah dapat mengasah kemahiran penguasaan perniagaannya dengan member tumpuan pada tukikan masakan beliau dan meningkatkan strategi perniagaannya.

Selepas tamat menyertai program itu, beliau terdorong mengikuti kursus diploma di At-sunrice Global Chef Academy bagi memperdalam kemahirannya memasak dan membuat kek serta pastri.

Apabila perniagaan masakan makanan laut dan Barat beliau mengalami kerugian teruk, Cik Roziah mengalihkan tumpuan kepada perniagaan restoran masakan kampung asli.

Beliau membuat penyelidikan di pelbagai restoran di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Indonesia.

Disember lalu, beliau membuka restoran Nur Indah Padang Cuisine yang menjual nasi ambeng di Changi Village.

Cik Roziah juga memiliki kedai makan Nur Indah Kitchen di Bedok Corner dan di Blok 216, Bedok North Street 1.

Beliau kini menyumbang kembali kepada masyarakat dengan bergiat di masjid dan menajamkan bagi kegiatan kemasyarakatan di masjid.

PANDUAN NIAGA KECIL-KECILAN DARI RUMAH

1. Kegiatan tidak harus mengganggu dari segi bunyi bising, asap, bau, buangan bahan kimia, habuk atau sampah.
2. Tiada kakitangan.
3. Flat masih digunakan untuk tempat tinggal.
4. Tidak sesak dengan manusia atau kenderaan.
5. Tiada papan tanda iklan atau perniagaan.
6. Alamat flat tidak boleh digunakan untuk pendaftaran perniagaan.
7. Kegiatan tidak harus menjejaskan keamanan dan ketenteraman orang lain.
8. Kegiatan dijalankan untuk menambah pendapatan keluarga.
9. Tiada pemunggahan barangan perniagaan.
10. Kegiatan mesti mematuhi kaedah dan peraturan pihak berkuasa lain.
11. Tiada penggunaan jentera berat atau peralatan selain peralatan rumah.
12. Aktiviti tidak boleh mengundang aduan daripada jiran.